



KENYATAAN MEDIA

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT BANTU USAHAWAN GOLONGAN ASNAF DAN B40

MELALUI PROGRAM iTEKAD MAWADDAH

Usahawan perintis terpilih terima sijil penyertaan

KUALA LUMPUR, 28 September 2021: Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) menyerahkan sijil penyertaan program iTEKAD Mawaddah, program keusahawanan yang bercirikan kewangan sosial dan konsep syariah mudarabah kepada 10 usahawan perintis melalui satu sesi yang diadakan secara maya. Bagi program ini, Bank Muamalat menyediakan platform pelaburan patuh syariah bertujuan memberikan pulangan yang kompetitif kepada pelabur.

Usahawan yang menyertai program iTEKAD Mawaddah, berlandaskan konsep mudarabah, akan menerima dana daripada pelabur untuk menjalankan perniagaan mereka. Keuntungan yang dijana akan dikongsi di antara usahawan dan pelabur. Sekiranya berlaku kerugian, kerugian itu akan ditanggung oleh pelabur sahaja. Program iTEKAD Mawaddah akan menyediakan modal kerja sehingga RM10,000 dan latihan perniagaan secara percuma untuk setiap usahawan daripada golongan asnaf dan B40 yang terpilih.

Majlis yang berlangsung secara norma baharu itu, disertai 10 usahawan dari sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Kedah dan Johor, dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Strategi Bank Muamalat, Mohammad Fairuz Mohd Radi dan pihak pengurusan kanan Bank Muamalat serta wakil daripada perunding latihan yang dilantik iaitu People Systems Consultancy Sdn Bhd dan Serunai COE Sdn Bhd.



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196501000376 (6175-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web : www.muamalat.com.my Tel : 03 2600 5500



Abhi kumpulan
DRB-HICOM



Inisiatif yang diterajui oleh Bank Muamalat ini bertujuan menyokong usaha Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu usahawan daripada golongan asnaf dan B40 menceburi bidang perniagaan atau memajukan perniagaan mereka. Program iTEKAD Mawaddah turut terbuka kepada usahawan daripada kumpulan sasar ini yang terkesan oleh pandemik COVID-19.

Bank Muamalat telah berjaya meraih dana yang diperlukan untuk membantu 10 orang usahawan yang terpilih. Dana yang diterima daripada pelabur akan dijadikan modal kerja oleh usahawan. Bidang perniagaan yang dipilih untuk fasa pertama adalah industri makanan dan minuman. Mereka juga akan menerima latihan keusahawanan yang bersesuaian daripada jurulatih perunding yang berpengalaman. Sekiranya layak, peniaga akan turut dibantu untuk mendapatkan sijil halal bagi membolehkan mereka bersaing secara kompetitif di peringkat global.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata bantuan berterusan wajar disalurkan kepada golongan usahawan bagi menyokong pemulihan ekonomi, terutamanya ketika negara terus diancam pandemik COVID-19.

“Matlamat program iTEKAD Mawaddah adalah untuk memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan memperkasa golongan asnaf dan B40, selaras dengan inisiatif Pengantaraan Berasaskan Nilai atau *Value Based Intermediary* (VBI) yang didokong oleh Bank Muamalat. Program ini juga mendapat sokongan daripada Lembaga Zakat Selangor, Pusat Pungutan Zakat MAIWP, dan agensi zakat negeri lain,” kata Khairul.





Untuk maklumat lanjut mengenai program ini, sila layari www.muamalat.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di talian 03-2600 5500, ataupun kunjungi cawangan Bank Muamalat yang berhampiran.

TAMAT

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai **Bank Muamalat** boleh menghubungi:

Mathini Raman | mathini.raman@muamalat.com.my | +6013 215 1922



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196501000376 (6175-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web : www.muamalat.com.my Tel : 03 2600 5500



Abhi kumpulan
DRB-HICOM